

IPT kedua bertaraf dunia serta Iskandar Malaysia

BA 25/11/19.

University of Southampton UK buka kampus cawangan

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan@bharian.com.my

ISKANDAR Malaysia melangkah setapak lagi dalam usahanya menjadi hab pendidikan bertaraf dunia apabila sebuah lagi institusi pengajian tinggi (IPT) terkemuka, University of Southampton akan membuka cawangannya dikenali sebagai University of Southampton Malaysia Campus (USMC) di EduCity, iaitu zon pendidikan di wilayah pembangunan itu.

University of Southampton, iaitu antara tiga universiti terbaik dalam bidang kejuruteraan di United Kingdom (UK) adalah IPT kedua dari negara itu yang akan membuka cawangan di EduCity selepas Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed) yang dijadualkan mula beroperasi September ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif Iskandar Investment Bhd (IIB), Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim, berkata University of Southampton akan menawarkan kursus dalam bidang kejuru-

“USMC yang bakal menjadi kampus cawangan pertama University of Southampton di luar UK akan membuat pengambilan pelajar pertamanya pada September 2012”

Syed Mohamed Syed Ibrahim

Presiden dan Ketua Eksekutif Iskandar Investment Bhd (IIB)

teraan di negara ini, bermula dengan pengajian sarjana muda hingga ke peringkat pasca siswazah.

Katanya, buat permulaan USMC akan menawarkan kursus peringkat ijazah dalam bidang kejuruteraan elektrik, mekanikal dan aeroangkasa dengan pengajian selama dua tahun di Malaysia dan baki dua tahun lagi di kampus utamanya.

“USMC yang bakal menjadi kampus cawangan pertama University of Southampton di luar UK akan membuat pengambilan pe-



lajar pertamanya pada September 2012,” katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis memeterai perjanjian antara anak syarikat IIB, Education@Iskandar Sdn Bhd dengan University of Southampton di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu, Education@Iskandar diwakili Ketua Eksekutifnya, Khairil Anwar Ahmad manakala University of Southampton diwakili Naib Canselornya, Don Nutbeam.

Ia disaksikan Menteri Pe-

ngajian Tinggi, Datuk Seri Mohd Khaled Nordin.

University of Southampton adalah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di UK yang ditubuhkan pada 1862 sebelum menerima status universiti penuh pada 1952.

Ia kini mempunyai kira-kira 22,000 pelajar, menjadi kannya IPTA terbesar di wilayah tenggara UK.

Universiti itu dikenali sebagai antara 15 institusi berorientasikan penyelidikan terbaik di UK dan adalah antara 100 universiti terbaik dunia berdasarkan Jadual Pendidikan Tinggi Times serta Senarai Universiti Dunia dari QS.

Syed Mohamed berkata, USMC bukan saja akan dapat merangsang bidang pendidikan di rantau ini tetapi juga menyokong kapasiti Malaysia ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi.

“Universiti ini juga dapat menyokong negara menangani kekurangan jurutera dengan memenuhi permintaan seramai 200,000 profesional dalam bidang itu menjelang 2020,” katanya.